



PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 21 MAC 2022 (ISNIN)

TARIKH TUTUP : 15 APRIL 2022 (JUMAAT), JAM 12.00 TENGAH HARI

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah kod bidang yang berkaitan untuk menyertai tawaran tender berikut:

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT (Kehadiran adalah WAJIB)	KOD BIDANG (WAJIB)
<p>TAWARAN TENDER PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH) BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</p> <p>NO. TENDER: IKN/T/02/2022</p>	<p>TARIKH: 25 MAC 2022 HINGGA 15 APRIL 2022</p> <p>TEMPAT: BAHAGIAN PEROLEHAN & ASET, JABATAN PENGURUSAN, ARAS 6, INSTITUT KANSER NEGARA</p> <p>MASA: 9.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG</p> <p>HARGA DOKUMEN: RM60.00 (DOKUMEN TENDER & CD)</p>	<p>TARIKH: 25 MAC 2022 (JUMAAT)</p> <p>MASA: 9.30 PAGI</p> <p>TEMPAT: AUDITORIUM IKN, ARAS 3, INSTITUT KANSER NEGARA</p>	<p>220301, 220401, 220503, 220501, 221001, 221002, 222302 dan CIDB F02</p>

Dokumen tawaran boleh dibeli di Bahagian Perolehan & Aset, Jabatan Pengurusan, Aras 6, No. 4, Jalan P7, Presint 7, 62250 Putrajaya pada waktu pejabat bermula **25 Mac 2022 sehingga 15 April 2022 (tarikh tutup tender)**. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **tunai / kad debit / kad kredit** atau melalui **draf bank / wang pos** atas nama **PENGARAH INSTITUT KANSER NEGARA** di Kaunter Unit Hasil, Aras 3, IKN.

Kehadiran ke sesi taklimat adalah **WAJIB**. Syarikat yang **tidak hadir taklimat tidak dibenarkan menyertai tender ini**. Hanya penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat (wakil tidak dibenarkan). Petender perlu membawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan serta Sijil Taraf Bumiputra (jika ada) dan Sijil Pendaftaran CIDB** dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan) serta cop syarikat.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikemukakan secara manual **SEBELUM ATAU PADA 15 APRIL 2022 (JUMAAT), JAM 12.00 TENGAH HARI.** Semua dokumen sokongan tender (seperti katalog, profil syarikat dan lain-lain) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat. **Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.**

Dokumen tawaran tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti di alamat:

**Institut Kanser Negara,
Bahagian Perolehan dan Aset,
Aras 6, Jabatan Pengurusan,
No. 4, Jalan P7,
Presint 7,
62250 Putrajaya**

No. Telefon : 03-8892 5492 / 03-8892 5496

Institut Kanser Negara tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat / Firma / Koperasi / Pemilik Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple-payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang berkenaan

Pengarah,
Institut Kanser Negara.